

NAMA : TINGKATAN:

MODUL PENINGKATAN PRESTASI MURID TINGKATAN 5 TAHUN 2026

BAHASA MELAYU

KERTAS 1

2 JAM

JANGAN BUKA MODUL INI SEHINGGA DIBERITAHU

ARAHAN

1. Modul ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
2. Jawapan hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan.
3. Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.
4. **Buku jawapan** hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1	30	
B	1	70	
	2		
	3		
	4		
JUMLAH		100	

Bahagian A

[30 markah]

Soalan ini mesti dijawab

Grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan semangat kejiranan.

Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang **semangat kejiranan**.

Panjangnya huraian anda hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan**.

KEMBALIKAN HUBUNGAN ERAT ANTARA JIRAN TETANGGA

Semangat kejiranan merangkumi sikap saling mengambil berat, bekerjasama dan hidup harmoni antara penduduk yang tinggal berdekatan dalam sesuatu kawasan. Secara ringkas, semangat kejiranan ini merangkumi aktiviti tolong-menolong antara jiran ketika susah dan senang, saling menghormati tanpa mengira kaum dan agama serta bekerjasama dalam aktiviti komuniti.

**SERTAI TELEGRAM @exercise_students**

Bahagian B

[70 markah]

*Bahagian ini mengandungi empat soalan. Jawab satu soalan.**Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.*

1.

Pantun Sungai dan Kita

Padi Makasar hijaunya rata,
Mentari terbit menyuluh bendang;
Sungai tercemar masyarakat derita,
Pelbagai penyakit datang bertandang.

Pohon lemuni tumbuhnya rendah,
Tampak mekar rimbun di laman;
Risau petani tiada sudah,
Air tercemar musnahkan tanaman.

Alunan puisi didendang perlahan,
Jiwa meruntun bait dikarang;
Kawasan rekreasi hilang keindahan,
Saban tahun pelancong berkurang.

Azmi Md Said
Bandar Baharu, Kedah

Berdasarkan pantun di atas, huraikan kesan-kesan pencemaran alam sekitar terhadap masyarakat dan negara.

2.

Bangunan bersejarah atau monumen tidak hanya mengenai pengorbanan generasi terdahulu dalam memperjuangkan kemerdekaan negara sebelum ini tetapi turut menjadi lambang ketamadunan bangsa Malaysia. Oleh itu, kesedaran untuk memelihara monumen bersejarah ini memerlukan sokongan padu daripada pihak kerajaan, warga pendidik dan masyarakat.

Sumber: Internet

Berdasarkan petikan di atas, huraikan peranan pihak-pihak tersebut bagi mewujudkan kesedaran untuk memelihara monumen bersejarah.

3

Penggunaan media sosial seperti TikTok, Facebook dan WhatsApp telah mendominasi pergaulan harian masyarakat hari ini. Namun, keadaan ini menjadi cabaran besar kepada penguasaan bahasa Melayu. Norma ini telah menimbulkan kebimbangan dalam kalangan ahli bahasa kerana wujudnya penggunaan bahasa rojak dalam kalangan generasi muda.

Sumber: *Dewan Bahasa*, Jun 2025

Huraikan cabaran yang dinyatakan dalam petikan berserta cabaran-cabaran lain untuk memastikan penggunaan bahasa Melayu dengan betul.

4.

Kemajuan sektor pertanian telah membuka lembaran baharu kepada ekonomi negara yang sebelum ini hanya bertumpu kepada bidang perkhidmatan dan pembuatan semata-mata. Kini, kemajuan sektor pertanian bukan sahaja mampu meningkatkan jumlah peluang pekerjaan malah menjanjikan perkongsian teknologi antara negara-negara maju. Dalam jangka masa panjang, kemajuan sektor ini juga mampu memastikan negara tidak lagi bergantung kepada produk-produk import seperti padi dan jagung.

Sumber: Internet

Huraikan manfaat-manfaat kemajuan sektor tersebut.